



Kertas 1

Bahagian A Pemahaman Teks

Baca petikan cerpen "Hadiah" halaman 51 dalam Antologi Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

... Azizah menahan cunap. Resah menanti giliran menyuakan hadiah ciptaannya ...

1 Mengapakah murid-murid mengerumuni Cikgu Zaleha?

- A Cikgu Zaleha sangat popular
- B Mereka mahu memberikan hadiah
- C Mereka sudah lama tidak berjumpa
- D Mereka hendak menyampaikan ucapan

"Saya tak mampu, ... dengan wang, cikgu"

2 Perwatakan Azizah yang paling sesuai berdasarkan pernyataan di atas ialah

- A seorang yang jujur.
- B seorang yang pemalu.
- C seorang yang prihatin.
- D seorang yang dermawan.

"Azizah, cikgu nak hadiah ... boleh?"

3 Teknik penceritaan yang digunakan dalam petikan di atas ialah

- A dialog. C monolog.
- B kejutan. D pemerian.

4 Pernyataan yang berikut adalah benar tentang petikan cerpen, **kecuali**

- A hadiah Azizah dibalut dengan kertas surat khabar.
- B Azizah murid pertama yang memberikan hadiahnya.
- C murid menyampaikan hadiah di tapak perhimpunan.
- D Azizah meminta Cikgu Zaleha membuka hadiahnya di rumah.

5 Semua persoalan yang berikut terdapat dalam cerpen "Hadiah", **kecuali**

- A amalan hidup menabung.
- B hadiah yang rendah nilainya.
- C kasih sayang murid kepada guru.
- D kesusahan hidup golongan bawahan.

Info KOMSAS

Watak ialah tokoh atau pelaku dalam sesebuah cerita. Watak protagonis ialah watak utama dalam cerita. Sebagai contoh, watak protagonis dalam cerpen "Hadiah" ialah Zaleha. Watak antagonis pula ialah watak yang menjadi penentang kepada watak utama.

Aktiviti PAK-21 Role Play

- 1 Murid diminta untuk memegang watak sebagai guru dan diberikan masa untuk membuat persediaan.
- 2 Murid tersebut membuat persembahan dengan memainkan watak guru tersebut.
- 3 Murid juga boleh mencuba peranan atau watak lain seperti doktor, petani dan seumpamanya.